1. Ribuan penonton membanjiri ________ untuk menyaksikan perlawanan akhir Liga S Malaysia.

- A padang
- B stadium
- C gimnasium
- D gelanggang

2. Sultan dan permaisuri bersemayam di atas ________ sempena hari keputeraan baginda yang ke-60 tahun.

- A puri
- B tandu
- C mahligai
- D singgahsana

3. Puan Amirah bergegas pulang ke ________ halamannya di Selangor setelah mendapat tahu bahawa ayahnya sakit tenat.

- A kota
- B bandar
- C pejabat
- D kampung

4. Potongan rambut yang tidak mengikut ________ yang telah ditetapkan oleh pihak sekolah dilarang sama sekali bagi murid-murid lelaki.

- A standard
- B cetakan
- C rentak
- D acuan

5. Suzana mengalami masalah penampilan diri akibat perubahan ________ dalam badannya.

- A sel
- B otot
- C organ
- D hormon

6. Martha yang berhasrat untuk memiliki sebuah ________ bekerja bersungguh-sungguh untuk mendapatkan kereta idamannya itu.

- A proton perdana
- B proton Perdana
- C Proton perdana
- D Proton Perdana

7. Golongan ________ akan diraikan pada 1 Mei setiap tahun sebagai tanda penghargaan kepada mereka.

- A pekerja
- B pendidik
- C pengetua
- D pentadbir

LIVEWORKSHEETS

**8.** Masalah _________ akhlak dalam kalangan remaja dibincangkan dalam forum itu.

- **A** kemerosotan
- **B** kemelesetan
- **C** keruntuhan
- **D** kepudaran

**9.** Musang yang makan ayam-ayam di kampung itu telah masuk ke dalam _________ yang dibuat oleh penduduk kampung.

- **A** reban
- **B** sangkar
- **C** kandang
- **D** perangkap

**10.** Menurut _________, sindrom bermaksud kumpulan gejala atau tanda-tanda yang menunjukkan terdapatnya suatu penyakit.

- **A** Kamus Dewan Edisi Keempat
- **B** Kamus Dewan edisi Keempat
- **C** Kamus Dewan Edisi keempat
- **D** Kamus Dewan edisi keempat

**11.** Pegawai-pegawai kerajaan hendaklah memberikan _________ yang terbaik.

- **A** penyataan
- **B** persediaan
- **C** perkhidmatan
- **D** persembahan

**12.** Nelayan itu mendayung _________ ke tengah sungai untuk menangkap ikan.

- **A** feri
- **B** kapal
- **C** bahtera
- **D** sampan

**13.** Buku motivasi itu telah ditulis oleh _________ yang berpengalaman luas dalam bidang penulisan.

- **A** pereka
- **B** peserta
- **C** penerbit
- **D** pengarang

**14.** Haji Ibrahim bertugas sebagai _________ di Surau Al-Hijrah.

- **A** bilal
- **B** askar
- **C** murid
- **D** doktor

LIVEWORKSHEETS

15. Kakak berasa sedih kerana kucing kesayangannya yang bernama _________ telah m bat dilanggar oleh kereta.

- A Si tompok
- B Si Tompok
- C si Tompok
- D si tompok

16. Sejak _________ itu dibina, penduduk kampung sudah tidak menggunakan sampan untuk menyeberangi sungai.

- A kabel
- B jejantas
- C jejambat
- D jambatan

17. Pelajar-pelajar yang ingin melanjutkan pelajaran di luar negara boleh memohon _________ daripada Kementerian Pendidikan Malaysia.

- A derma
- B hadiah
- C yayasan
- D biasiswa

18. Zahari menyimpan cita-cita untuk melanjutkan pelajarannya hingga peringkat _________.

- A universiti
- B sekolah
- C tadika
- D taska

19. Walaupun hasil jualan pisangnya tidak banyak, Pak Man tetap bersyukur dengan _________ yang diperolehnya.

- A tuah
- B darjat
- C rezeki
- D anugerah

20. Kita perlulah rajin menuntut ilmu sekiranya kita menginginkan _________ yang cerah.

- A had masa
- B masa depan
- C jangka masa
- D masa lapang

LIVEWORKSHEETS